



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr. HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD

SEMPENA

ENVIRONMENT CONSERVATION AWARENESS EVENT 2018

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 MAC 2018 (SABTU)
10.00 PAGI**

**SUNGAI DERHAKA TAMAN TUNKU
SEBERANG JAYA
(BELAKANG KOLAM RENANG, SEBERANG JAYA)**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Lim Eng Chuan
Pengurus Besar South Island Garment Sdn. Bhd.

Wakil
Armstrong Technology Sdn. Bhd.

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan Salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini dalam *Environment Conservation Awareness Event 2018* di Sungai Derhaka Taman Tunku, Seberang Jaya yang dianjurkan bersama dengan South Island Garment Sdn. Bhd. dan Armstrong Technology Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih serta merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada South Island Garment Sdn. Bhd. dan Armstrong Technology Sdn. Bhd. beserta kakitangannya yang telah bersama-sama berusaha dan berjaya menganjurkan majlis pada pagi ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Penduduk Seberang Perai terutama di Seberang Jaya ini yang berjumlah anggaran 50,000 penduduk patut berasa bangga dan beruntung kerana mempunyai sebuah taman awam linear yang

sentiasa dijaga dan dinaik taraf oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Taman ini mempunyai keunikannya kerana digunakan 24 jam serta dapat menarik 500 orang sehari pada hari biasa sehingga 1,000 orang sehari pada hujung minggu untuk beriadah, jogging atau memancing pada waktu malam. Selain itu Taman Tunku yang terletak bersebelahan Masjid Seberang Jaya dan Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya, dilengkapi dengan trek jogging dan peralatan '*outdoor gym*'.

Di sinilah Sungai Durhaka atau juga dikenali sebagai Sungai Pertama merentangi Taman Tunku dan Taman Awam Linear sehinggalah ia bertembung dengan Sungai Perai.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Sungai ibarat nadi kehidupan bak kata mutiara *merawat sungai seperti merawat kehidupan kita*. Oleh itu bagi tujuan tersebut, MPSP menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *private and philanthropy partnership* MPSP telah berjaya bekerjasama

dengan Syarikat South Island Garment dan Syarikat Armstrong Technology Sdn. Bhd. untuk merawat dan memulihkan kualiti air Sungai Derhaka.

Usaha ini telah dimulakan pada 19 Mac 2016 bersama South Island Garment Sdn. Bhd. Saya berterima kasih atas dedikasi yang ditunjukkan oleh South Island Garment Sdn. Bhd. dalam usaha untuk memelihara alam sekitar bersama MPSP dalam aktiviti kitar semula dan membuat bebola tanah (*mudballs*). South Island Garment Sdn. Bhd. juga menyumbangkan kain lebihan atau terpakai kepada komuniti untuk dijahit dan dijadikan bahan *upcycle* seperti bag. Latihan menjahit dan sebagainya juga disumbangkan kepada komuniti seperti di Permatang Nibong. Selain itu, South Island Garment Sdn. Bhd. juga menyertai program sisa sifar dengan mengumpul sisa makanan untuk dihantar ke Pasar Bagan Ajam untuk pengkomposan.

Pada tahun 2017, Armstrong Technology Sdn. Bhd. telah turut serta berganding bahu bersama South Island Garment Sdn. Bhd. dan MPSP dalam usaha untuk memelihara alam sekitar, terutamanya program pemulihan sungai. Tahun ini sekali lagi kita melihat ganding padu kedua-dua badan swasta dalam menjayakan program yang diadakan pada pagi ini. Syabas dan Tahniah!

Program *Environment Conservation Awareness Event 2018* yang diadakan pagi ini memperlihatkan program rawatan kualiti air Sungai Derhaka dengan EM MudBalls.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Baru-baru ini pada 22 Mac 2018 (Khamis), kita telah menyambut Hari Air Sedunia 2018 (*World Water Day 2018*). Sambutan Hari Air Sedunia ini dengan tema "*Nature for Water*" adalah sejajar dengan aspirasi Seberang Perai untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Sambutan ini adalah bertujuan bagi menggalakkan warga Seberang Perai untuk memahami kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menghayati keperluan penjimatan dan pemeliharaan sumber air. MPSP mengambil kesempatan ini untuk menyeru warga Seberang Perai supaya memelihara sungai-sungai serta sistem saliran di Seberang Perai dari sebarang bentuk pencerobohan dan pencemaran. Sayangi dan hargailah sumber air yang kita ada kerana sumber ini merupakan keperluan utama bagi kita meneruskan aktiviti harian kita.

Oleh hal yang sedemikian, sebagai satu langkah ke arah mencapai Bandaraya Rendah Karbon dan bersempena Sambutan

Hari Air Sedunia, MPSP melancarkan borang akujanji atas talian (*Online Pledge Form*) bagi penjimatan air. Borang akujanji ini boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi MPSP dan Laman Facebook Rasmi MPSP. Borang akujanji ini akan dibuka untuk capaian dalam tempoh satu (1) bulan bermula 22 Mac 2018 hingga 20 April 2018. Hasil analisa dan resolusi yang diperolehi dari inisiatif ini akan dikemukakan semasa Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2018. Susulan daripada akujanji ini, MPSP akan membuat pemantauan berkala ke atas warga Seberang Perai yang menandatangani akujanji ini ke arah memastikan penjimatan air dapat dilaksanakan di Seberang Perai.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Air sungai boleh dinilai kualitinya secara fizikal, contohnya seperti air tersebut kelihatan berminyak, terdapat bangkai haiwan atau tumbuhan yang mati, warna air berubah dan tiada kehidupan aquatik. Air sungai akan berbau disebabkan beberapa perkara, antaranya terdapat kandungan sulphite, sisa pembetungan, bahan reput atau keladak yang berlebihan.

Oleh itu pemeliharaan dan pemuliharaan kualiti air amat penting kerana ianya adalah salah satu sumber asas bagi kehidupan

manusia. Air sisa domestik yang berpunca dari sinki, bilik air dan mesin basuh ini lebih dikenali dengan nama '*grey water*'. Aktiviti manusia yang melepaskan air sisa secara terus ke dalam sungai akan menyebabkan punca kualiti air semakin merosot.

Rawatan air menggunakan *EM Mudballs* merupakan salah satu alternative yang digunakan dalam penyelesaian masalah pencemaran air selain dapat membaik pulih kualiti air sedia ada. Tindak balas *mudballs* adalah sangat cepat malah ia mampu bertahan selama sebulan.

Mudballs memecahkan molekul-molekul organic seperti sisa-sisa sampah, lumpur, logam berat dan sebagainya, menstabilkan pH air, memusnahkan ammonia dan nitrogen dalam air serta mengurangkan bau busuk air.

Di Seberang Perai terdapat tiga (3) anak sungai yang dijadikan sungai angkat bagi rawatan kualiti air. Ini termasuklah sungai di kawasan Perai, Sungai Junjung Mati dan Sungai Derhaka / Sungai Pertama. Pihak-pihak swasta seperti South Island Garment Sdn. Bhd., Armstrong Technology Sdn. Bhd., Amphenol TCS dan Uchi Electronics telah mengambil inisiatif membuat EM Mudballs untuk dilontar ke dalam sungai setiap bulan.

Rawatan kualiti air menggunakan mudballs di Sungai Derhaka telah bermula sejak 19 Mac 2016 sehingga sekarang. Sebanyak 1,000 *mudballs* dilontar ke dalam sungai setiap bulan. Sehingga kini, secara keseluruhan sebanyak 60,000 *mudballs* telah dimasukkan ke dalam Sungai Derhaka. Usaha ini telah berjaya meningkatkan tahap kualiti air kepada tahap yang lebih baik iaitu pada kelas IIA di mana ianya boleh menjadi sumber bekalan air minuman selepas rawatan biasa dilakukan dan membolehkan hidupan akuatik.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Adalah diharapkan dengan pelontaran mudball ini dapat menambahbaikkan kualiti air Sungai Derhaka. Walau bagaimanapun, air sungai ini akan terus tercemar jika tiada kerjasama yang kuat dari penduduk Seberang Perai. **Marilah kita mencintai sungai kita.**

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih pihak Pengurusan South Island Garment dan Armstrong Technologies Sdn. Bhd. kerana kerjasama erat yang dijalinkan dengan MPSP untuk menambahbaik kualiti Sungai Derhaka ini. Juga kepada penduduk-penduduk di sekitar Seberang Jaya yang hadir dan memberikan komitmen penuh dalam program pemulihan sungai serta membantu

MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Saya menyeru para hadirin sekalian untuk memelihara alam sekitar, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Diharapkan dengan program pemulihan sungai ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”.

Bersama misi dan impian kita bersama, dalam melestarikan alam sekitar demi kelangsungan generasi akan datang, saya dengan lafaz BISMILLAH dengan ini melancarkan *Environment Conservation Awareness Event 2018* oleh Armstrong Technology Sdn Bhd dan South Island Garment Sdn. Bhd.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Terima kasih.